

HARI : RABU
TARIKH : 16/10/2019
M/SURAT : 14

Sasar industri katering RM9 bilion

Kuala Lumpur: Kerajaan menyasarkan unjuran industri katering negara bakal menyumbang RM9 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020.

Perangkaan semasa menyaksikan industri penyediaan makanan dan minuman atau katering itu merekod sumbangan RM3.6 bilion terhadap KDNK pada 2010, sebelum melonjak kepada RM5.8 bilion lima tahun berikutnya.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata rujukan terhadap statistik pendaftaran perkhidmatan diterbitkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menunjukkan bilangan perniagaan berdaftar semakin meningkat.

“Sebanyak 151,706 perniagaan berdaftar dari 2013 hingga 2019 dan tentunya ada yang aktif dan pasif, manakala bilangan pekerja dalam industri katering pada 2015 adalah 99,502 orang berbanding 72,892 orang pada 2010,” katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri (MQT), di Dewan Rakyat, semalam.